



Perkhemahan Muhibah



1. Baca dan kenal pasti kata sendi.
2. Lengkapkan ayat dengan kata sendi yang sesuai.

Pada minggu yang lalu, Farah, Kai Li dan Devi menyertai perkhemahan yang dianjurkan oleh sekolah mereka. Perkhemahan itu diadakan di sebuah tapak perkhemahan yang terletak di Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa Kuala Lipis, Pahang. Sebanyak 45 orang murid terlibat dalam perkhemahan ini.

Perkhemahan ini diketuai oleh Cikgu Zalina dan tiga orang guru lain. Tugas guru pengiring adalah untuk membantu dan memastikan keselamatan murid sewaktu perkhemahan dijalankan.

Perkhemahan ini berlangsung selama tiga hari dua malam. Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang perkhemahan tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pertandingan kawad kaki, gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran dan pertandingan memasak. Para peserta juga berpeluang mempelajari asas latihan ikhtiar hidup sambil menikmati keindahan alam semula jadi.

Farah, Kai Li dan Devi berasa sangat gembira kerana berpeluang melibatkan diri dalam perkhemahan ini. Mereka berharap agar berpeluang mengikuti perkhemahan seperti ini pada masa akan datang.





Baca dan kenal pasti **kata sendi** dalam petikan

1		3		5	
2		4		6	

NOTA

Kata sendi ialah perkataan yang berada di hadapan kata nama atau fasa nama. Contoh: di, ke, daripada, kepada, bagi, demi, untuk, tentang, terhadap, bagi, laksana, seperti, sejak, semenjak, sampai, dalam, antara, oleh, selain, pada, umpama, hingga dan dengan

Lengkapkan **ayat** dengan **kata sendi** yang sesuai (rujuk nota)

1. Aktiviti perkenaan diadakan _____ minggu yang lalu.

2. Perkhemahan selama tiga hari dua malam itu disertai _____ ahli pasukan pengakap.
3. Program perkhemahan itu dijalankan _____ sebuah tapak perkhemahan .
4. Cikgu Zalina memberikan ucapan _____ keselamatan ketika khemah.
5. _____ aktiviti yang jirankan ialah pertandingan kawad kaki.
6. Khemah itu diperbuat _____ kanvas